

Dr. Abdul Monir Ketua Pengarah baru IKIM

KUALA LUMPUR
22 Mac — Penolong
Ketua Pengarah
Institut Kefahaman
Islam Malaysia
(IKIM), Datuk Dr.
Abdul Monir Yaacob
dilantik sebagai Ke-
tua Pengarah IKIM
yang baru berkuat
kuasa 1 April ini.

Dr. Abdul Monir
akan menggantikan
Datuk Dr. Ismail Ib-
rahim yang mena-
matkan perkhidma-
tannya mulai tarikh
itu.

Pengerusi IKIM,
Tan Sri Ahmad Sarji

Abdul Hamid ketika mengumumkan perkara terse-
but berkata, Dr. Abdul Monir, 55, akan menyand-
ang jawatan itu secara kontrak selama dua tahun.

Beliau berkata, Dr. Abdul Monir yang berkelu-
lusan Universiti Al-Azhar dan mendapat Ijazah
Doktor Falsafah (Ph.D) dari Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1991,
pernah bertugas sebagai pensyarah di Fakulti
Pengajian Islam dan Fakulti Undang-Undang,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

"Lembaga Pengarah IKIM mengucapkan terima
kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.
Mahathir Mohamad atas pelantikan Dr. Abdul
Monir sebagai Ketua Pengarah IKIM yang baru,"
katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Ahmad Sarji berkata, Dr. Abdul Monir memula-
kan kariernya di IKIM sebagai Fellow Kanan pada
tahun 1993.

Sementara itu, beliau turut mengumumkan
pelantikan Nik Mustapha Nik Hassan sebagai
Timbalan Ketua Pengarah IKIM iaitu satu jawatan
yang diwujudkan semula di institut tersebut.

Sementara itu, katanya, Lembaga Pengarah
mengucapkan terima kasih kepada Dr. Ismail yang
sering membantu melaksanakan program-program
IKIM terutama sumbangannya terhadap kefahaman
prinsip-prinsip Islam.